

https://doi.org/10.24035/ijit.23.2023.258			
Received:	14 Mar. 2023	Accepted:	12 May 2023
Revised:	10 Apr 2023	Published:	15 June 2023
Volume & Pages:	23 (June): 79-90		

Analisis Perundangan dan Kes Hibah Amanah di Malaysia

Legal Analysis and Trust Hibah Cases in Malaysia

MOHD ZAMRO MUDA*, NURNAZIRAH ROSDI & NOOR LIZZA MOHAMED SAID¹

ABSTRACT

The tendency of the Muslim community in property planning to use hibah products is increasing. This situation caused Islamic banking and financial institutions as well as companies and estate planning agencies to take the opportunity by introducing various hibah products, among them trust hibah. The trust hibah is a combination of the principles of hibah and trust. If observed in more detail, the trust hibah is formed through two contracts, namely the hibah contract and the trust contract. Since the trust hibah is a combination of the principles of hibah and trust, it has given rise to legal controversy because the issue of hibah is under the State jurisdiction and the issue of trust is under the Federal jurisdiction. Jurisdiction conflicts in trust hibah matters will continue and certainly confusion regarding the exclusive jurisdiction of the Syariah Court in cases related to Muslim property will continue to exist. Thus, this article aims to identify the jurisdiction of the Federal and State in relation to the trust hibah and to examine the cases of trust hibah that have been decided by the Civil Court and Shariah Court. This study is a qualitative study which utilises documents analysis approach in its data collection process. The study found that there are various forms of judgment in the trial of cases related to the trust hibah. Therefore, the parties involved, especially the legislative body, need to resolve this matter by creating a legal enactment or a guideline that is monitored by an authoritative body. This study has an impact on agencies that are directly involved with wealth planning, legal practitioners, the judiciary and further to the community who are competent to choose a trust hibah contract as their wealth planning instrument.

Keywords: Courts, Hibah, Law, Trust, Trust Hibah.

Pada masa kini, penggunaan produk hibah telah dijalankan secara meluas sebagai salah satu instrumen perancangan harta orang Islam di Malaysia. Situasi tersebut telah mendorong institusi dan agensi perancangan harta memperkenalkan pelbagai produk hibah dan antaranya ialah hibah amanah atau *trust hibah*. Hibah amanah terbentuk melalui gabungan prinsip amanah dalam produk hibah (Sadali Rasban 2018). Pemakaian prinsip amanah dalam instrumen hibah merupakan satu langkah signifikan dalam mewujudkan kemaslahatan terhadap harta seseorang

¹ **Mohd Zamro Muda*** (Corresponding Author), Ph. D., Senior Lecturer at the Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: zamro@ukm.edu.my; **Nurnazirah Rosdi**, M.A Candidate at the Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: nurnazirahrosdi@gmail.com; **Noor Lizza Mohamed Said**, Ph. D., Senior Lecturer at the Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. Email: lizza@ukm.edu.my.

terutama dalam mengatasi kemelut pewarisan harta apabila berlaku kematian (Noor Lizza et al. 2019).

Secara teorinya, konsep amanah yang diaplikasikan dalam instrumen hibah telah diiktiraf oleh hukum syarak dan undang-undang sivil (Abdullah Muhamad 2006). Berdasarkan undang-undang Malaysia, hibah dan amanah telah diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan sepertimana pada Jadual Kesembilan. Perkara mengenai hibah berada di bawah kuasa kerajaan negeri manakala perkara mengenai amanah terletak pada bidang kuasa kerajaan Persekutuan. Tidak dinafikan bahawa cantuman kedua-dua kontrak ini membawa satu revolusi baru dalam industri perancangan harta namun perkara ini telah menyangkut pada isu perundangan terutama berhubung dengan bidang kuasa (Azman Ismail 2013). Hal ini kerana sehingga ke hari ini tiada peruntukan statutori berhubung hibah dan amanah Islam dikanunkan melainkan hanya diperuntukkan secara umum dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam (negeri-negeri), Enakmen Mahkamah Syariah (negeri-negeri) mahupun Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (Nasrul Hisyam 2011).

Rentetan daripada itu, terdapat pelbagai bentuk penghakiman yang diputuskan terhadap pertikaian kes-kes hibah amanah di mahkamah sehingga ke hari ini (Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro 2018a). Perkara ini menimbulkan keputusan yang berbeza-beza walaupun mahkamah membicarakan pada perkara (*subject matter*) yang sama. Oleh yang demikian, artikel ini bertujuan untuk mengkaji perundangan dan kes hibah amanah yang telah diputuskan oleh mahkamah selain memastikan instrumen hibah amanah memenuhi prinsip hibah dan amanah bersandarkan hukum syarak.

Konsep Hibah Amanah

Hibah ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan (*ciwaq*) (Muhammad Rawwas 1985; al-Sharqawi 1997). Secara lebih khusus lagi, hibah ialah suatu akad pemberian milik ain harta daripada satu pihak kepada pihak yang lain tanpa balasan (*ciwaq*) semasa hidup secara sukarela, bukan mengharapkan pahala di akhirat dan memuliakan seseorang, dengan menggunakan lafaz *ijab* dan *qabul* atau seumpamanya (al-Khudrawi 1966; Mohd Ridzuan Awang 2003).

Manakala amanah atau amanah atau harta amanah secara ringkasnya bermaksud seorang pemegang amanah yang memegang harta amanah bagi faedah orang tertentu (Ahmad Hidayat Buang 2006). Daripada kenyataan ini dapat difahami bahawa amanah bukanlah sifat peribadi seseorang semata-mata bahkan ia boleh wujud dalam bentuk kontrak yang mengikat kedua-dua pihak untuk saling menjaga kepentingan masing-masing berdasarkan apa yang telah dipersetujui. Kontrak amanah lebih kepada kontrak yang bersifat pertolongan pada asalnya di mana seseorang meminta individu lain mentadbir urusannya tertentu tanpa ada balasan. Pegangan harta amanah boleh wujud dalam pelbagai bentuk sama ada harta alih mahupun harta tak alih, berupah atau tidak (Noor Lizza et.al 2019). Pengertian amanah yang lebih tepat boleh dilihat melalui kenyataan yang dikemukakan oleh Lewin yang telah dirujuk oleh May J dalam kes *Re Scott* [1903] 1 Ch 1 (Nasrul Hisyam 2011):

...the word trusts refer to the duty or aggregate of obligations that rest upon a person described as trustee. The responsibilities are in relation to the property held by him or under his control. That property he will be compelled by a court in its equitable jurisdiction to administer in the manner lawfully prescribed by the trust instrument or in the absence of such instrument in accordance with equitable principles. The administration will be in such a manner that all benefits accrue to the beneficiary and not the trustee. If there are no beneficiaries then for a purpose that the law will recognize and enforce. Sometimes a trustee may be a beneficiary in which case the benefits will accrue to him to the extent of his beneficial interest...

Daripada kenyataan ini boleh dirumuskan bahawa amanah adalah satu instrumen pengurusan harta yang diiktiraf oleh undang-undang di mana satu tanggungjawab dibentuk kemudian diberikan kepada seseorang yang dikenali sebagai pemegang amanah untuk mengurus

tadbir harta pembuat amanah. Istilah tanggungjawab memberi pengertian bahawa pegangan seorang pemegang amanah tidak menyebabkan harta berpindah milik kepadanya bahkan ia adalah milik penerima manfaat atau benefisiari (Noor Lizza et.al 2019). Pembentukan akad amanah seperti ini merupakan adaptasi daripada perundangan sivil melalui penghakiman Hashim Yeop Sani J dalam kes *Yong Nyee Fan & Sons Sdn. Bhd. v Kim Guan & Co. Sdn. Bhd.* [1979] 1 MLJ 182 yang merangkumi beberapa elemen yang perlu ada bagi membentuk amanah secara sah iaitu pihak yang membuat amanah, pemegang atau penerima amanah, pihak yang mendapat manfaat harta amanah, harta amanah dan arahan yang dinyatakan dalam amanah (Nasrul Hisyam 2011; Salleh Buang 2006). Ringkasnya, kesemua elemen ini perlu ada bagi membolehkan amanah dibentuk dan diiktiraf secara sah mengikut undang-undang.

Produk hibah amanah diwujudkan sebagai instrumen pilihan perancangan harta kepada masyarakat dalam mengurus dan merancang aliran harta mereka ketika hayat. Menurut Akmal Hidayah dan Tajul Aris (2017), hibah amanah diwujudkan bagi menyelesaikan isu harta pusaka yang semakin serius walaupun secara praktikalnya isu tersebut mampu diatasi melalui pembahagian faraid atau pusaka. Seterusnya menurut Nasrul Hisyam (2011), berikutan isu kehartaan yang semakin meningkat, mengharapka kaedah penyelesaian harta secara faraid sahaja bukanlah satu alternatif yang berkesan dan terbaik bagi menyelesaikan isu yang berbangkit pada masa kini. Oleh itu, hibah amanah diperkenalkan sebagai salah satu alternatif bagi mengurangkan isu kehartaan yang berlaku.

Hibah amanah adalah percantuman prinsip amanah ke dalam instrumen hibah mutlak. Hibah amanah juga boleh diertikan sebagai hibah *'umra* atau *ruqba* (Othman Yaacob 2006). Pembentukan hibah amanah perlulah bermula dengan pembentukan akad hibah terlebih dahulu (Ahmad Termizi 2019). Ini bermakna kedudukan hibah amanah yang sah bergantung kepada akad hibah yang dilakukan. Hibah yang sah dapat dikenalpasti apabila rukun-rukun dan syarat-syarat hibah telah dipenuhi. Antara rukun-rukun hibah yang disepakati oleh jumur ulama' ialah pemberi hibah, penerima hibah, barang hibah dan *sighah*. Keempat-empat rukun hibah ini turut diiktiraf dan dipersetujui oleh Yang Arif Hakim Abd Rahman Yunos dalam kes *Perkara EX P Siti Noor Aseera Awang* [2007] 1 CLJ [Sya] iaitu jumur ulama' menyatakan rukun-rukun hibah ada empat: Orang yang memberi, orang yang menerima, benda yang diberi dan *sighah*.

Adapun elemen *qabd* sebagai rukun hibah menjadi perselisihan para ulama' (Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro 2018b). Sungguhpun demikian, mahkamah syariah di Malaysia mengguna pakai pendapat al-Shafie yang menyatakan bahawa elemen *qabd* diperlukan dalam akad hibah (Alias Azhar 2018). Elemen ini dilihat penting bagi memastikan produk hibah yang bersifat komprehensif dapat dijalankan secara kondusif melalui pemakaian prinsip amanah. Keperluan elemen *qabd* dalam hibah amanah dapat dilihat di dalam kes *Abu Bakar Mohd Isa v Rosnani Awang* [2016] 1 LNS 137 yang jelas merangkumi isu hibah dan pemegang amanah. Penghakiman dalam kes ini membuktikan bahawa dakwaan wujudnya amanah tidak terpakai kepada harta hibah yang diwujudkan tanpa elemen *qabd*. Terdapat banyak pembuktian *qabd* yang dapat dilihat menerusi amalan masyarakat sekarang seperti penyerahan kunci rumah, pertukaran nama pada geran tanah dan sebagainya yang bertujuan bertukar penetapan milik kepada penerima hibah (Noor Lizza, Mohd Ridzuan & Amir Husin 2010).

Menurut Mohd Zamro & Noor Lizza (2018) pembentukan hibah amanah hendaklah melalui penyediaan surat pengisytiharan hibah (*deed of gift*), surat ikatan perserahhakan (*deed of assignment*) dan surat ikatan amanah (*trust deed*). Adapun keperluan surat kuasa wakil (*power of attorney*) disyaratkan apabila pemberi hibah melantik institusi amanah selaku wakilnya untuk bertindak mendaftarkan surat kuasa wakil daripada Mahkamah Tinggi Sivil (Othman Yaacob 2006). Hal ini bertujuan memastikan institusi tersebut menjadi pemegang amanah yang sah menurut undang-undang seperti selari dengan peruntukan pada Seksyen 3 Akta Surat Kuasa Wakil 1949. Selain itu, pembentukan hibah amanah juga dapat ditafsirkan dengan pemakaian prinsip *joint tenant* (pemilikan bersama) terhadap sesuatu harta seperti tabung unit amanah yang melibatkan pegangan bersama (Nasrul Hisyam 2011). Takrif *joint tenancy* dapat dilihat dalam penghakiman oleh Zakaria Sam J di dalam kes *Salmah Omar & Lain-lain v Ahmad Rosli Aziz (Pentadbir Harta Pesaka Osman Mohamed, Si Mati) & Lain-lain* [2012] 1 CLJ iaitu:

Joint tenancy is a form of vesting title to property owned by two or more persons, in equal interest, subject to the right of survivorship in the surviving joint tenant(s).

Pelaksanaan *joint tenant* dapat dilihat di dalam kes *Rafizah binti Ab Karim v Kamar bin Ab Karim dan Empat Defenden Yang Lain* (10100-044-0478-2011). Kes ini melibatkan pertikaian pemilikan bersama unit amanah yang dibuat oleh si mati kepada plaintif dan mahkamah menetapkan pemilikan unit amanah oleh plaintif adalah sah berdasarkan konsep hibah *ruqba* (Nurul Syuhadah & Noor Lizza 2016).

Walau bagaimanapun, perlu dinyatakan di sini undang-undang amanah di Malaysia didasari kepada prinsip ekuiti yang berasal daripada perundangan Inggeris (Abdul Hamid Mohamad 2006). Selanjutnya, wujudlah beberapa statut tempatan yang memperuntukkan undang-undang berkaitan amanah. Bagi amanah Islam, ia merangkumi perbincangan yang sangat meluas dan umum dan di Malaysia undang-undang amanah tidak dikanunkan pada mana-mana peruntukan statutori (Noor Lizza et al. 2019). Oleh itu, instrumen amanah dijalankan mengikut tatacara sivil meskipun perkara hibah ditadbir berdasarkan hukum syarak (Akmal Hidayah & Tajul Aris 2017). Hal ini dapat dilihat bahawa berlaku konflik daripada segi perundangan sehingga mendatangkan perbezaan keputusan penghakiman pada kes-kes berkaitan hibah amanah di Malaysia (Nazrul Hazizi Nordin et al. 2016).

Secara ringkasnya, hibah amanah merupakan pemberian harta alih atau tak alih atas dasar kasih sayang oleh pemberi hibah semasa hidup kepada penerima hibah melalui pelantikan pemegang amanah (Mohd Zamro 2018). Pemegang amanah bertindak memelihara harta hibah berdasarkan syarat yang terdapat di dalam surat ikatan amanah (Ahmad Termizi 2019). Adapun jika didapati syarat tersebut bercanggah dengan hukum syarak maka syarat tersebut dianggap batal namun status hibah tetap sah (Nurul Syahirah Othman et al. 2017). Oleh itu, amalan pelaksanaan hibah amanah perlulah ditinjau daripada perspektif perundangan bagi memastikan instrumen ini dapat dilaksanakan secara kondusif terutama kepada agensi-agensi yang terlibat secara langsung dengan perancangan harta hibah.

Hibah Menurut Perspektif Undang-Undang Malaysia

Dalam perundangan Malaysia, hal berkaitan hibah tidak dikanunkan secara khusus bagi mengawal prosedur dan pentadbiran hibah. Walaupun tiada peruntukan perundangan substantif berkenaan hibah, namun perkara hibah ada diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan pada frasa 'pemberian' pada senarai berikut. Secara jelasnya, Mahkamah Syariah berbidang kuasa dalam menentukan keabsahan sesuatu hibah berdasarkan Perkara 74 (2) dan pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. Setakat ini, kebanyakan kes hibah yang dibawa ke mahkamah syariah berkaitan pengesahan hibah, hibah ketika *maradul maut* dan penarikan balik hibah.

Menurut Nasrul Hisyam (2011) pemilikan kuasa mahkamah syariah dapat dirujuk melalui peruntukan Enakmen-Pentadbiran Agama Islam (negeri), Ordinan Mahkamah Syariah, Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah dan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan). Kesemua peruntukan tersebut menggunakan istilah 'alang semasa hidup', atau 'alang hayat' atau 'pemberian masa hidup' atau 'wasiat-wasiat atau pemberian daripada orang-orang yang beragama Islam pada ketika hendak mati' bagi menunjukkan maksud kedudukan hibah itu sendiri (Mohd Zamro 2018). Misalnya, istilah 'alang semasa hidup' digunapakai dalam Seksyen 61(3)(b)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.

Berdasarkan peruntukan tersebut, tidak berlaku pertikaian tentang bidang kuasa jika terdapat sebarang cabaran berkaitan perkara hibah. Hal ini boleh dilihat dalam penghakiman kes *Latifah Mat Zin v Rosmawati Sharibun & Lain-lain* [2007] 1 CLJ (Sya). Barisan Yang Arif Hakim (FCJ) dalam kes ini memutuskan bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa membicarakan isu "*gift inter vivos*" berdasarkan peruntukan Seksyen 61(3)(vi) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor).

Daripada keputusan dua kes di atas membuktikan bahawa mahkamah syariah memiliki kuasa eksklusif yang eksekutif untuk membicarakan perundangan berkaitan hibah (Akmal Hidayah & Tajul Aris 2017). Hal ini kerana amanah yang terdapat di dalam hibah telah menyentuh perundangan amanah yang berada di bawah undang-undang sivil seperti Akta Pemegang Amanah 1949 dan beberapa statut perundangan amanah yang lain (Nazrul Hazizi Nordin et al. 2016). Ini bererti pertikaian berkenaan kes hibah amanah boleh dibicarakan di mahkamah sivil atas faktor pemakaian perundangan sivil yang mengikat di dalam kontrak tersebut. Situasi ini telah merencatkan bidang kuasa mahkamah syariah untuk memutuskan isu hibah atas faktor kekangan dalam perundangan berkaitan hibah itu sendiri (Rabi'ah Serji & Rohimi 2018).

Berlainan pula pada situasi hibah yang melibatkan hartanah. Secara umumnya sebarang urusan berkaitan tanah di Malaysia dikawal oleh Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56] yang berada di bawah kuasa Persekutuan. Namun tafsiran pada Seksyen 421A dan Seksyen 417 KTN memberi kuasa kepada mahkamah syariah dalam mengendalikan sebarang pertikaian berhubung tanah yang melibatkan kuasa kerajaan negeri seperti hibah, wakaf dan lain-lain (Rabi'ah & Rohimi: 2018). Sungguhpun demikian, pertikaian hibah hartanah masih tetap berlaku sepertimana dalam kes *Re Dato Bentara Luar decd Haji Yahya bin Yusof & Anor v Hassan bin Othman & Anor* [1982] 2 MLJ 264. Hakim dalam kes tersebut telah bertindak membatalkan hibah hartanah yang dibuat oleh plaintif walhal kuasa tersebut wajar dikendalikan di mahkamah syariah. Perkara ini dijangka berterusan terutama apabila berlaku isu penarikan balik hibah hartanah kerana bertentangan dengan peruntukan Seksyen 89 dan Seksyen 349 KTN berhubung hak milik tak boleh sangkal (Ahmad Termizi: 2019). Kenyataan ini ditekankan terhadap hibah yang melibatkan *usul* kepada *furu'* dan ternyata bertentangan dengan prinsip hibah menurut Islam (Mohd Zamro 2018). Hal ini perlulah jelas kerana menurut hukum syarak hibah daripada bapa atau datuk (*usul*) kepada anak atau cucu (*furu'*) boleh ditarik balik sepertimana yang berlaku dalam kes *Salmiah bte Che Hat v Zakaria bin Hashim* [Jurnal Hukum 2001 Jld.14 Bhg 1&2] walhal perkara pertikaian isu tersebut tidak boleh lari daripada merujuk KTN. Apa yang boleh dilakukan ialah membuat pengecualian bagi kes yang melibatkan hibah pada peruntukan Seksyen 349 KTN (Ahmad Termizi 2019). Jika tidak, situasi begini menyebabkan pengiktirafan mahkamah syariah terhadap urusan tanah tidak berkuatkuasa dengan berkesan.

Statut khusus berkaitan hibah perlulah diwujudkan di Malaysia berikutan penawaran produk hibah sebagai instrumen perancangan harta semakin diperluas serta mendapat perhatian daripada banyak pihak sepertimana produk hibah takaful yang telah beroperasi sepertimana di dalam peruntukan pada Jadual 10 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Sememangnya kestabilan perundangan hibah mampu menjamin kestabilan ekonomi negara khususnya kepada umat Islam selain memperkasakan instrumen hibah yang disediakan oleh syarak dengan sebaiknya. Justeru, usaha ini dapat mewujudkan keseragaman terhadap pembentukan produk hibah di institusi-institusi yang terlibat agar selari dengan piawaian syarak dan diiktiraf di sisi undang-undang (Mohd Khairy, Nasrul Hisyam & Kamaliah 2018).

Amanah Menurut Perspektif Undang-Undang Malaysia

Di Malaysia, perkara-perkara berkaitan keagamaan dan undang-undang Islam terletak di bawah Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan. Perkara-perkara berkenaan termasuklah pada perkara berkaitan harta dan amanah orang Islam. Walau bagaimanapun, amalan serta perundangan amanah di Malaysia bersumberkan daripada prinsip Common Law dan ekuiti (Noor Inayah & Safinaz 2000). Perkara ini juga dapat dirujuk pada Jadual Kesembilan Senarai 1, Senarai Persekutuan pada butiran 4 (e)(i) pada klausa "*ekuiti dan amanah*". Pemakaian undang-undang amanah di Malaysia telah diseragamkan bagi sebarang urusan yang berkaitan amanah kepada orang Islam dan bukan Islam sepertimana hujahan hakim di dalam kes *TM Feroze Khan & Lain-lain v Meera Hussain TM Mohamed Mydin* [2006] 3 CLJ iaitu:

"Pemakaian undang-undang Islam bagaimanapun adalah tertakluk kepada undang-undang sivil yang terpakai kepada semua tanpa mengira sama ada pihak-pihak beragama Islam ataupun sebaliknya". Kewujudan statut-statut tempatan berkenaan amanah telah dipengaruhi oleh

undang-undang Inggeris yang dirujuk dan diguna pakai sehingga ke hari ini mengikut peruntukkan Seksyen 3 Akta Undang-undang Sivil 1956 (Ahmad Hidayat Buang: 2016). Perkara ini secara langsung memberi kuasa kepada mahkamah sivil untuk membicarakan sebarang isu berkenaan amanah. Antara statut tempatan yang memperuntukkan undang-undang amanah seperti Akta Pemegang Amanah 1949, Akta Syarikat Amanah 1949, Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dan beberapa statut lain.

Pembentukan amanah dapat dikenalpasti secara *verbal* dan *non-verbal*. Sememangnya pembentukan amanah di Malaysia tidak ditentukan secara terperinci (Salleh Buang 2006). Berdasarkan kedua-dua bentuk tersebut, kewujudan amanah boleh dibuktikan melalui lisan atau pembentukan dokumen. Walau bagaimanapun, pembuat amanah perlulah jelas menentukan subjek amanah sebagai pembuktian niat untuk mewujudkan amanah (Noor Inayah & Safinaz 2000). Perkara ini dapat dirujuk penghakiman kes *Wan Naimah v Wan Mohamad Nawawai* [1972] 1 LNS 164. Yang Arif Hakim Suffian menyatakan bahawa:

“A trust must may be made quite informally, provided that the words used are clear and unequivocal”.

Di dalam kes *Re Golay's Will Trusts*, mahkamah turut membenarkan amanah yang dibuktikan melalui tindakan pembuat amanah iaitu membenarkan benefisiari memperoleh manfaat daripada harta amanah dengan menduduki rumah miliknya (Noor Inayah & Safinaz 2000). Selain itu, keterangan saksi juga penting sebagai pembuktian amanah yang diterima pakai di mahkamah sepertimana di dalam kes *Kalsom Che Lah & Lain-lain v Ismail Md. Noor & Lain-lain* [2010] 1 LNS 322. Sungguhpun demikian, majoriti amalan pembentukan amanah pada masa kini lebih cenderung kepada penyediaan dokumen malah menjadi satu polisi umum di setiap agensi yang menawarkan produk amanah (Othman Yaacob: 2006). Tindakan ini merupakan langkah yang lebih selamat dan signifikan dalam memastikan hasrat pembuat amanah terlaksana bagi kepentingan benefisiari.

Peruntukan berhubung amanah Islam hanya disenaraikan secara umum pada Enakmen Pentadbiran Agama Islam atau Enakmen Mahkamah Syariah (Abdul Hamid Mohamad 2006). Situasi ini memberi gambaran bahawa kuasa eksklusif mahkamah syariah terhadap walaupun Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kedudukan amanah pada Senarai 2 dan pindaan Perkara 121(1A) (Abdullah Muhamad 2006). Pembuktian ini dapat dilihat dalam kes *Dato' Kadar Shah Tun Sulaiman v. Datin Fauziah Harun* [2008] 7 MLJ 779 terhadap isu pertikaian bidang kuasa antara pihak-pihak di mana plaintif membangkitkan isu amanah manakala defendan pula membangkitkan isu hibah (Nasrul Hisyam: 2011). Tambahan pula, peruntukan bersama antara kuasa kerajaan persekutuan dan negeri seperti urusan tanah pada Kanun Tanah Negara 1965 turut menjadi faktor pertikaian bidang kuasa (Rabi'ah & Rohimi 2018).

Adapun konsep amanah Islam berkenaan pengurusan harta tidak dibincangkan secara terperinci di dalam hukum syarak (Azman Ismail 2013). Sungguhpun begitu, jika diperhalusi semula, kebanyakan produk amanah yang ditawarkan di kebanyakan institusi perancangan harta lebih tertumpu kepada prinsip *wisayah* dan *wakalah* (Noor Lizza et al. 2019; Muhammad Tahir Sabit 2015). Selain itu, prinsip *wadi'ah* dan *mutawalli* turut berkait rapat dengan prinsip pengamanahan menurut Islam (Nasrul Hisyam 2011). Sememangnya kebergantungan prinsip-prinsip tersebut bagi tujuan pengamanahan harta terbukti memenuhi piawaian syarak. Maka tidaklah menjadi kesalahan sekiranya pemakaian prinsip amanah terus diperluaskan dalam industri perancangan harta orang Islam sebagaimana yang diimplementasikan di negara-negara Barat berikutan jumlah harta pusaka tertunggak di Malaysia yang kian meningkat (Rusnadewi, Siti Aishah & Noor Inayah 2013).

Kes-Kes Hibah Amanah di Malaysia

Garis panduan hibah amanah sebagai pengurusan harta orang Islam tidak diperincikan dengan jelas di dalam mana-mana peruntukan statutori. Kacukan prinsip amanah yang ditawarkan

bersama produk hibah mendatangkan polemik perundangan yang serius apabila kontrak tersebut dicabar oleh pihak-pihak di mahkamah. Sungguhpun perkara hibah dan amanah disebut di dalam Perlembagaan Persekutuan, namun penentuan bidang kuasa masih dipertikaikan di pentas perundangan. Selain itu, pembuktian pelaksanaan hibah amanah juga perlulah dikaji. Oleh hal demikian, beberapa kes hibah amanah telah dianalisis bagi meninjau kedudukan hibah amanah dalam aspek perundangan di Malaysia.

Bidang Kuasa Hibah Amanah

Dalam kes *Dato' Kadar Shah bin Tun Sulaiman v Datin Fauziah binti Harun* [2008] 4 CLJ 504 yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pada tahun 1999, plaintif telah mendepositkan sebanyak USD 50,000 ke dalam akaun bank isterinya iaitu defendan. Pada Jun 2003, telah berlaku perceraian antara pihak plaintif dan defendan. Lalu, plaintif telah menuntut semula sejumlah wang USD 50,000 daripada defendan yang merupakan amanah daripadanya. Namun, defendan menolak tuntutan plaintif dengan menyatakan wang tersebut merupakan pemberian/hibah daripada plaintif untuknya. Defendan turut membangkitkan isu bidang kuasa hibah yang wajar dikendalikan di Mahkamah Syariah dan bukannya Mahkamah Sivil berdasarkan peruntukan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, penghakiman oleh Hakim Hishamudin menyatakan mahkamah ini selayaknya berbidang kuasa dalam perkara amanah yang dipertikaikan oleh plaintif. Selain itu, hakim turut membenarkan defendan untuk memanggil seorang pakar undang-undang Islam bagi membuktikan hibah seperti yang dinyatakan. Oleh itu, mahkamah memutuskan rayuan defendan ditolak.

Pertembungan bidang kuasa dalam hibah amanah juga dapat dirujuk dalam kes *Hussin Syed Mohamad Syed Alwi dan Lain-lain v Syed Salim Syed Alwee dan Lain-lain* [2011] 1 LNS 603 di Mahkamah Tinggi Malaya Johor Bahru. Salah satu isu yang dipertikaikan oleh pihak-pihak dalam kes ini ialah berkenaan bidang kuasa hibah sepertimana yang dibangkitkan oleh pihak responden. Pihak perayu berhujah bahawa mahkamah ini tidak berbidang kuasa membicarakan isu hibah maka sepatutnya permohonan pembatalan saman responden perlulah ditolak. Walau bagaimanapun mahkamah memutuskan bahawa permohonan perayu ditolak kerana kes ini selayaknya dibicarakan di mahkamah syariah berdasarkan Arahan Amalan No. 1 Tahun 2000. Justeru, permohonan perayu ditolak.

Berbeza dalam kes *Abu Bakar Mohd Isa v Rosnani Awang* [2016] 1 LNS 137 yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Malaya, Alor Setar, kedua-dua bidang kuasa mahkamah diiktiraf. Pada 24.2.2009 defendan dan plaintif telah menandatangani Borang 14A dan defendan turut menandatangani Permohonan Sebagai Pemegang Amanah bagi bahagian tanah 121/1184 yang didakwa pemberian untuk plaintif. Sungguhpun demikian, defendan enggan mendaftar Borang 14A dan borang pemegang amanah. Plaintif memohon sebagai benefisiari pada bahagian tanah sebanyak 121/1184 yang dipercayai sebagai pemberian/hibah daripada defendan. Pihak-pihak bersetuju mahkamah ini tiada bidang kuasa dalam menentukan perkara hibah. Defendan membuat pengesahan hibah di Mahkamah Tinggi Syariah dan Ketua Hakim Syarie memutuskan bahawa tiada hibah antara pihak-pihak. Berdasarkan keputusan Hakim Syarie tersebut, maka mahkamah ini (sivil) memutuskan bahawa defendan bukanlah pemegang amanah pada bahagian tanah tersebut berikutan tidak wujud hibah melalui tindakan plaintif yang tidak mendaftar Borang 14A di Pejabat Tanah. Mahkamah menolak permohonan plaintif. Keputusan kes ini difahami bahawa hakim mahkamah sivil telah mengiktiraf keputusan hakim mahkamah syarie berkenaan hibah kemudian keputusan tersebut diguna pakai dalam memutuskan isu berkenaan pemegang amanah di mahkamah sivil.

Melalui keputusan hakim-hakim di atas, dirumuskan bahawa terdapat perbezaan penghakiman berkenaan bidang kuasa walaupun perkara yang dipertikaikan berkenaan hibah dan amanah. Undang-undang hibah dan amanah perlulah digubal bagi mewujudkan keseragaman bidang kuasa (Nazrul Hazizi Nordin et al. 2016). Hal ini penting kerana bidang kuasa mampu menjejaskan keputusan penghakiman yang berbeza sehingga menafikan hak pihak-pihak yang terlibat.

Pembuktian Hibah Amanah di Mahkamah

Sambutan produk hibah amanah di Amanah Raya Berhad sebagai instrumen perancangan harta kian meningkat. Peningkatan tersebut tidaklah serancak seperti instrumen wasiat (Muhammad Tahir Sabit 2015) kerana hibah amanah merupakan instrumen yang baru diperkenalkan di Malaysia. Walaupun tiada garis panduan yang khusus dalam membentuk akad hibah amanah namun berdasarkan kes-kes lepas terdapat pelbagai bentuk pembuktian yang diterima pakai di mahkamah bagi mensabitkan wujudnya hibah amanah.

Dalam kes *Wan Naimah v Wan Mohamad Nawawai* [1972] 1 LNS 164. Perayu mendakwa responden tidak membahagikan tanah pada Lot No. 396 yang dikatakan pemberian daripada si mati (ayah perayu dan responden) kepada pihak-pihak atas dasar amanah. Si mati membeli lot tersebut daripada Wan Ibrahim kemudian keseluruhan lot tersebut dipercayai berpindahmilik kepada abang ipar si mati, Ahmad Haji Awang. Kemudian, Ahmad Haji Awang memindah milik lot tersebut kepada perayu (anak perempuan si mati) yang telah berumah tangga. Lot tersebut dipercayai tidak pernah berdaftar atas nama si mati sehinggalah pada tahun kematiannya 1968. Lot tersebut hanya berdaftar atas nama perayu kerana ketika itu responden masih belum cukup umur untuk mendaftar. Menurut Wan Yaacob (PW3), saksi mendakwa bahawa si mati pernah menyatakan hasrat untuk menyerahkan sebahagian lot tersebut kepada responden berdasarkan keterangan dokumen (ekshibit A). Hakim Suffian CJ berhujah bahawa keterangan saksi (PW3) dalam kes ini jelas menunjukkan bahawa wujud pemberian berbentuk amanah. Mahkamah memutuskan rayuan perayu ditolak. Di dalam kes ini mahkamah menerima ekshibit A dan keterangan saksi sebagai pembuktian wujudnya pemberian berdasarkan dokumen perjanjian yang dibentuk dan ditandatangani oleh si mati. Defendan dan plaintif turut menandatangani dokumen perjanjian berikut. Penilaian yang dapat dibuat dalam kes ini ialah, walaupun dokumen pemberian dan amanah tidak dinyatakan secara jelas namun tindakan si mati jelas bertujuan untuk memberi hartanah Lot No.396 dan rumah kedai kepada plaintif dan defendan secara sama rata.

Pembuktian dokumen hibah amanah juga dapat dirujuk dalam kes *TM Feroze Khan & Ors v Meera Hussain TM Mohamed Mydin* [2006] 3 CLJ 616. Hakim dalam kes ini mengiktiraf pemberian yang dibuat oleh si mati kepada responden berdasarkan dokumen amanah iaitu *trust deed*. Pada tahun 1968, si mati memindah milik dan mendaftar hartanah kepada dirinya sebagai pemegang amanah bagi manfaat anaknya, responden yang berumur lapan tahun. Kematian si mati berlaku pada tahun 1982 dan hartanah tersebut berdaftar atas nama responden. Perayu mencabar pemberian tersebut dan menyatakan hartanah tersebut merupakan harta pusaka si mati atas alasan responden tidak memiliki fizikal dan manfaat hartanah tersebut sepanjang hayat si mati. Pihak plaintif juga mempertikaikan kesahan prinsip *right of survivorship* Namun, hakim berhujah bahawa pemilikan responden terhadap hartanah tersebut adalah sah berdasarkan terma yang tertera pada surat ikatan amanah. Si mati telah membentuk surat ikatan amanah secara sah melalui pemegang amanah.

Selain itu, dalam perbicaraan di Mahkamah Rayuan Putrajaya, kes *Hussin Syed Mohamed & Lain-lain v Sharifah Badariah Alwi Al-Attas & Lain-lain* [2012] 1 LNS 1447. Si mati mengalami masalah kesihatan dan berada di bawah jagaan responden-responden. Seterusnya, atas saranan doktor peribadinya, si mati mendaftar surat kuasa wakil (*power of attorney*) melalui peguam dengan meletakkan responden-responden sebagai wakil. Surat kuasa wakil tersebut juga didaftar di Mahkamah Tinggi Johor Bahru. Atas dasar kasih sayang si mati kepada responden-responden, si mati melakukan pemberian sejumlah wang sebanyak RM1.125 juta, memindah milik 146,503 unit saham dan hartanah kepada responden. Pihak perayu membantah pemberian tersebut. Hakim dalam kes ini berhujah bahawa wujud keterangan yang mencukupi bagi membuktikan pemberian yang sah daripada si mati terhadap responden-responden. Bukti dapat dilihat melalui kewujudan surat kuasa wakil, surat ikatan hadiah, Borang 14A dan kehadiran saksi si mati iaitu rakan baik si mati. Mahkamah menyatakan bahawa keterangan perayu tidak mencukupi untuk mendakwa pemberian tersebut adalah sah. Justeru, rayuan perayu ditolak. Keterangan saksi juga dapat dilihat dalam kes *Kalsom Che Lah & Che Amah Hj Abdullah v Ismail*

Md Noor & Norma Md Noor [2010] 1 LNS 322. Dalam kes ini, mahkamah menerima keterangan saksi sebagai keterangan utama bagi mensabitkan wujudnya pemberian hartanah secara amanah oleh ibu plaintif-plaintif.

Melalui keputusan kes-kes di atas, dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa bentuk untuk mensabitkan pemberian hibah amanah. Antaranya surat ikatan hibah, surat ikatan amanah, surat kuasa wakil dan saksi pihak-pihak. Walau bagaimanapun, keperluan mewujudkan garis panduan pembentukan hibah amanah adalah penting supaya setiap pihak yang terlibat jelas berhubung penyediaan dokumen yang terlibat dalam hibah amanah.

Hubungan Prinsip *Joint Tenant* dan Hibah Amanah

Dalam kes *Jariah Yahya dan 3 Yang Lain v Nor Hasiah Harun* [2010] 3 LNS 19 yang dibicarakan di Mahkamah Rayuan Syariah Seremban. Fakta menunjukkan bahawa perayu tidak berpuas hati terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Seremban yang mensabitkan bahawa responden memiliki harta-harta si mati secara sah melalui hibah. Perayu berhujah bahawa elemen pemilikan terhadap harta-harta tersebut tidak dipenuhi meskipun responden merupakan pemilik bersama (*joint tenant*) dengan si mati berdasarkan bukti peletakan nama pada akaun bank simpanan si mati. Isu penama dalam kes ini perlu diputuskan bagi menentukan adakah sebab pemilikan bersama membawa maksud *qabd*. Mahkamah memutuskan bahawa telah berlaku *qabd* harta-harta tersebut daripada si mati kepada responden berdasarkan tiga qarinah iaitu:

- (i) Wujudnya 2 nama sebagai pemegang akaun iaitu nama Si mati dan nama Responden.
- (ii) Responden dengan sendirinya boleh melakukan transaksi akaun bank yang menunjukkan bahawa Responden juga adalah pemilik akaun bank berdasarkan hukum syarak undang-undang perbankan.
- (iii) Berkekalan harta yang dihibah tanpa si mati menarik kembali keseluruhan harta yang dihibahkan daripada Responden (Akaun, Penama pada akaun, transaksi akaun semasa dan selepas kematian Si mati). Ini menunjukkan berlakunya *qabd* dan pemilikan pada harta yang dihibah (*mawhub*).

Selain itu, responden telah menguasai harta-harta tersebut dengan membuat transaksi sama ada semasa hayat si mati mahupun selepas kematian si mati tanpa ada halangan daripada pihak bank atau pihak-pihak lain. Oleh itu, keputusan perayu ditolak.

Seterusnya dalam kes yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Malaya Pulau Pinang, kes *Mohamad Taupik bin Mohamad Nor & Lain-lain v Siti Rahmah binti Mohd. Noor & Lain-lain* [2016] 1 LNS 1462. Plaintif dalam kes ini menuntut deklarasi bahawa pemilikan lot-lot tanah oleh defendan berdasarkan *deed of gift* adalah tidak sah. Fakta dalam kes ini melalui *Deed of Gift*, Satariah dan Mohamad Nor atas dasar *mutual love and affection* kepada defendan 1 telah memegang lot-lot tersebut atas dasar *joint tenant*. Defendan ketika itu berumur 7 tahun. Setelah Mohamad Nor dan Satariah meninggal dunia, Pendaftar Hakmilik Tanah Pulau Pinang (Defendan 8) memasukkan defendan 1 sebagai pemilik tunggal pada lot-lot tersebut melalui prinsip *right of survivorship* berdasarkan seksyen 47(1)(c) Kanun Tanah Negara (Pahang dan Melaka). Pihak plaintif menyatakan sekiranya *Deed of gift* dianggap sebagai hibah, maka syarat-syarat hibah perlulah dipenuhi. Selain itu, pihak plaintif berhujah bahawa pemilikan hartanah *deed of gift* secara *joint tenancy* tidak terpakai kepada orang Islam. Namun plaintif tidak pernah mengemukakan perintah mahkamah syariah bagi menyatakan bahawa prinsip tersebut bertentangan dengan agama Islam. Hakim Abdul Wahab Mohamed berhujah mahkamah ini (sivil) tidak berbidang kuasa dalam menentukannya. Oleh itu, mahkamah memutuskan bahawa *deed of gift* Satariah dan Mohamed Nor sebagai balasan *mutual love and affection* terhadap defendan 1 adalah sah berdasarkan keterangan-keterangan yang ada. Penghakiman yang sama dapat dirujuk di dalam kes *Ahmad Shazily Ismail Bakti v Nik Salmah Zaida Hj Wan Mohd Zaid* [2014] 5 CLJ 817 dan kes *Shafeeq bin Salim Talib dan Lain-lain v Fatimah bte Aabud bin Talin dan Lain-lain* [2010] 2 SLR 1123. Melalui keputusan kes-kes di atas, dapat dirumuskan bahawa pemberian secara *joint tenant* berdasarkan prinsip *right of survivorship* diiktiraf oleh mahkamah sama ada melibatkan

orang beragama Islam atau sebaliknya. Prinsip *survivorship* merupakan salah satu pengaplikasian prinsip hibah *ruqba* (Md. Habibur Rahman 2012) kerana pemilikan mawhub diberikan pada pihak yang masih hidup selain (Nasrul Hisyam 2012). Selain itu, hibah *ruqba* berkuatkuasa mengikut syarat pada surat ikatan amanah (Hidayat Buang: 2006). Walaubagaimanapun di dalam kes *Fatimah Hj. Mohd Nong v Mohd Azmi Mohd Yaacob & Lain-lain* [2011] 1 CLJ SYA 285 di Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Lumpur, mahkamah tidak mengiktiraf hibah secara bersyarat berdasarkan pandangan mazhab Shafi'i walaupun terdapat Surat Pemberi Milik daripada si mati. Sungguhpun demikian, peletakan syarat pada akad hibah telah mendapat kebenaran oleh Mufti Wilayah Persekutuan (Jasni Sulong 2019), Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti dan Akta Kewangan Islam 2013.

Kesimpulan

Penawaran hibah amanah di rangkaian institusi perancangan harta wajar diteruskan bagi menjamin kemaslahatan harta milik seseorang terutama setelah berlaku kematian. Walaupun jelas terdapat kekurangan peruntukan pada statutori hibah dan amanah Islam, badan penggubal undang-undang khususnya badan perundangan negeri perlulah bertindak memasukkan klausa berkaitan hibah dan amanah pada peruntukan yang berkaitan. Kekangan perundangan tidak wajar dijadikan alasan untuk mengeneipkan instrumen hibah amanah sehingga mendatangkan impak yang buruk terhadap kedudukan harta orang Islam. Selain itu, institusi-institusi yang terlibat juga perlulah memastikan kualiti perkhidmatan produk hibah amanah selari mengikut kehendak syarak dan undang-undang sepertimana yang diimplementasikan di negara-negara lain. Walaupun diakui setiap agensi yang menawarkan produk hibah amanah memiliki jawatankuasa penasihat syariah yang pakar dan berpengalaman, namun dalam menangani isu penentuan bidang kuasa ia bukanlah suatu perkara yang boleh dibentuk dengan mudah. Melalui usaha ini, kes pertikaian hibah amanah dapat diselesaikan dengan baik melalui rujukan perundangan yang jelas. Selain itu, penerimaan pandangan fuqaha selain mazhab Shafi'i berkenaan perkara hibah wajarlah diterima pakai bagi mencapai kemaslahatan umum. Sebarang sangkalan juga dapat dielakkan bagi memberi keyakinan kepada masyarakat terhadap instrumen ini. Oleh itu, setiap muslim perlulah mengambil langkah proaktif dalam mendepani perkara ini supaya kita tidak ketinggalan jauh dalam aspek perancangan harta kerana Islam merupakan satu agama yang dinamik dalam memelihara soal kebajikan harta.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil projek penyelidikan PP-2018-013 di bawah tajaan Wasiyyah Shoppe Berhad.

References

- Abdul Hamid Mohamad. 2006. Bidang kuasa Mahkamah Sivil dalam Pentadbiran Harta Amanah di Malaysia. pp. 93-106. In, Siti Mashitoh Mahamood (ed.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Abdullah Muhammad. 2006. Pengamanahan harta orang Islam di Malaysia. pp. 123-132. In, Siti Mashitoh Mahamood (ed.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro. 2018a. Garis panduan dalam penyediaan borang hibah di Mahkamah Tinggi Syariah. *Journal of Contemporary Islamic Law* 3(1): 1-7.
- Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018b. Kepelbagaian produk hibah sebagai instrumen perancangan harta: sorotan literatur. *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies* 10(1): 31-41.
- Ahmad Hidayat Buang. 2006. Pembentukan dan pentadbiran harta amanah menurut perspektif undang-undang Islam. pp. 33-50. In, Siti Mashitoh Mahamood (ed.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Ahmad Termizi Abdullah. 2019. *Rancang Harta: Hibah, Wakaf, Wasiat*. Vol. 1. Kuala Lumpur: Pustakamizi.
- Akmal Hidayah Halim & Tajul Aris Ahmad Bustami. 2017. Pelaksanaan hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam di Malaysia. *Jurnal Kanun* 29(2): 90-115.
- Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208].
- Alias Azhar. 2018. Amanah hibah di syarikat amanah: satu kajian kes di As-Salihin Trustee Berhad. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 5(1): 11-29.
- Azman Ismail. 2013. *Islamic Inheritance Planning 101*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Jasni Sulong. 2019. Joint Tenancy in The Islamic Law and Its Application in Malaysia. The Second International Conference on Humanities 2017.
- Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56].
- Al-Khudrawi, Muhammad. 1966. *al-Maqasid fi al-Fiqh `ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. n.l. Sharikah al-Tiba`ah al-Fanniyyah al-Muttahidah.
- Md. Habibur Rahman 2018. Hibah umra and ruqba in Islamic law: a legal analysis. International Conference on Law and Globalization. Organized by Fakulti Undang-undang Hubungan Antarabangsa UNISZA, Kuala Terengganu, 21-22 October.
- Mohd Khairy Kamarudin, Nasrul Hisyam Nor Muhamad & Kamaliah Abdul karim. 2018. Peranan undang-undang dalam mempengaruhi amalan pemberian hibah di Malaysia. Seminar Serantau Peradaban Islam. 2018. Organized by Institut Islam Hadhari UKM. 14-15 November.
- Mohd. Ridzuan Awang. 2003. Pelaksanaan harta hibah. pp. 89-105. In, Mohamad Zaini Yahaya, Abdul Basir Mohamad & Mohd. Nasran Mohamad (eds.). *Isu Syariah dan Undang-undang Siri 12*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zamro Muda. 2018. Hibah amanah daripada perspektif perundangan & syarak executive talk: isu-isu dalam perbankan & kewangan Islam. Organized by Bahagian Latihan, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. 17 April.
- Mohd Zamro Muda & Noor Lizza Mohamed Said. 2018. Muzakarah isu-isu kontemporari pewarisan harta Islam 2018. Organized by Wasiyyah Shoppe Berhad. 15 & 16 December.
- Muhammad Rawwas Qal'ah Ji. 1985. *Mu'jam Lughah al-Fuqaha'*. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- Muhammad Tahir Sabit Muhamad. 2015. The contemporary application of wasiyah (Muslim Will) in Malaysia 2015. *International Journal of Real Estate Studies* 9(1): 7-15.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. *Hibah dalam Undang-undang Islam Prinsip & Amalan*. Johor Bharu: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2012. 'Umra dan ruqba: analisis mengenai kesannya terhadap kontrak hibah dan potensinya sebagai instrumen agihan harta. *Jurnal Syariah* 20(1): 1-46.
- Nazrul Hazizi Nordin, Muhammad Issyam Ismail, Muhammad Abd Hadi Abd Rahman, Siti Nurah Haron & Adam Abdullah. 2016. Re-evaluating the practice of hibah trust in Malaysia. *Humanomics* 32(4): 418- 436.
- Noor Inayah Yaakub & Safinaz Hussein. 2000. *Pengenalan Undang-undang Amanah Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Lizza Mohamed Said, Wan Amirul Adli Wan Ayub, Mohd Zamro Muda, Adnan Mohamed Yusoff & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. 2019. Pengamanahan dalam perancangan dan pengurusan harta orang Islam. *Islamiyyat* 41(2): 71-79.
- Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang & Amir Husin. 2010. Qabd dan hukum penarikan balik hibah. *Jurnal Muamalat* (3): 157-184.
- Nurul Syahirah Othman, Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Zamro Muda & Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2017. Analisis kes amalan hibah bersyarat di Malaysia. *Islamiyyat* 39(2): 135-142.
- Nurul Syuhadah Azlan & Noor Lizza Mohamed Said. 2016. Keputusan hakim syarie dalam kes-kes Pengesahan Hibah Ruqba. *Journal of Contemporaray Islamic Law* 1(2): 91-102.

- Othman Yaacob. 2006. Pembentukan trust hibah sebagai alternatif perancangan harta. pp. 171-208. In, *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*. Siti Mashitah Mahamood (ed.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rabi'ah Muhammad Serji & Rohimi Shapiee. 2018. Isu dan konflik perundangan dalam hibah hartanah di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*. 1(1): 84-101.
- Rusnadewi Abdul Rashid, Siti Aishah Hassan & Noor Inayah Yaakub. 2013. A need for legal framework of gift inter vivos (hibah) in Malaysian estate planning. *International Journal of Bussiness, Economics and Law* 2(3): 29-31.
- Sadali Rasban. 2018. *Hibah Amanah*. Singapura: HTH Advisory Service.
- Salleh Buang. 2006. Pembentukan Harta Amanah Mengikut Undang-undang di Malaysia: Sejauh Manakah Undang-undang Islam Terpakai. pp. 51-66. In, Siti Mashitah Mahamood (ed.). *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Al-Sharqawi, `Abd Allah ibn Ḥijazi ibn Ibrahim al-Azhari. 1997. *Hashiyah al-Sharqawi*. Vol. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.